



ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Sepanjang menggunakan media sosial sama ada untuk tujuan rasmi atau peribadi, warga MPP perlu memastikan etika penggunaan media sosial seperti yang berikut :

- a) Semua warga MPP adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan arahan-arahan yang berkaitan yang menjadi teras kepada keperibadian atau tatakelakuan anggota perkhidmatan awam.
- b) Prinsip-prinsip penggunaan media sosial oleh warga MPP sama ada dalam urusan rasmi ataupun peribadi adalah sama seperti yang terpakai bagi media-media yang lain. Media sosial merupakan forum awam di mana prinsip-prinsip yang sama diambil kira sebagaimana pengucapan awam ataupun penulisan secara rasmi atau tidak rasmi.
- c) Warga MPP dilarang menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa waktu pejabat sama ada menerusi peralatan komputer atau alat mudah alih yang dibekalkan oleh pejabat ataupun melalui peralatan peribadi.
- d) Warga MPP boleh menggunakan media sosial secara peribadi di luar waktu pejabat tetapi perlu berhati-hati supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat rasmi. Warga MPP dilarang mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti politik kecuali telah mendapatkan kelulusan Yang Dipertua.
- e) Sebarang komen mengenai isu-isu yang melibatkan agensi atau yang berbentuk serangan peribadi hendaklah dielakkan.
- f) Ketepatan dan sensitiviti maklumat yang ingin disampaikan hendaklah disemak terlebih dahulu sebelum dihantar.
- g) Warga MPP perlu memastikan perkongsian dan penggunaan maklumat yang berkaitan dengan hak cipta dan harta intelek telah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan.
- h) Sekiranya terdapat kesilapan pada sebarang maklumat yang telah dihebahkan, akui pada umum, buat pembetulan dan mohon maaf kepada pihak yang berkaitan secara terbuka dalam laman sosial yang terlibat.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN
TAHUN 2023**